



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# **CONFERENCE PROCEEDING**

## **ICITSBE 2012**

**1<sup>ST</sup> INTERNATIONAL CONFERENCE ON INNOVATION  
AND TECHNOLOGY FOR  
SUSTAINABLE BUILT ENVIRONMENT**

**16 -17 April 2012**



Organized by:  
Office of Research and Industrial  
Community And Alumni Networking  
Universiti Teknologi MARA (Perak) Malaysia  
[www.perak.uitm.edu.my](http://www.perak.uitm.edu.my)

PAPER CODE: HC 16

## PELESTARIAN LANDSKAP DAN BUDAYA ORANG ASLI

Norizan Binti Mt Akhir<sup>a</sup> dan Zulkefle Bin Hj Ayob<sup>b</sup>

Faculty of Architecture, Planning and Surveying, Universiti Teknologi MARA (Perak),  
Malaysia,

<sup>a</sup> noriz102@perak.uitm.edu.my, <sup>b</sup> zulke191@perak.uitm.edu.my

### Abstract

*Kepesatan pembangunan di Malaysia dianggap satu fenomena positif. Namun, pembukaan kawasan semulajadi yang menyentuh persekitaran landskap Orang Asli telah banyak mengubah ekologi budaya komuniti tersebut di negara ini. Kajian ini bertujuan membantu komuniti ini meneruskan tradisi budaya dengan memelihara persekitaran asli mereka dari diancam kepupusan. Di Malaysia, isu berkaitan Orang Asli lebih menjerus kepada faktor ekonomi mereka berbanding pemeliharaan landskap asal bagi komuniti Orang Asli tersebut. Penempatan komuniti Orang Asli di negara ini berserakan di pelbagai lokasi antaranya pinggir laut, kawasan tanah tinggi, pinggir sungai dan kawasan gua. Pelestarian landskap asal komuniti Orang Asli ini sekaligus akan dapat memberi impak yang lebih asli di samping dapat mempromosikan kebudayaan mereka. Tiga kajian rujukan diambil untuk memahami pelestarian landskap budaya Orang Asli, di mana pendekatan yang digunakan oleh ketiga-tiga kajian tersebut lebih menitikberatkan landskap asli untuk melestarikan ekologi budaya mereka sekaligus mempromosikan sektor pelancongan. Pengekalan landskap asli adalah penting untuk kehidupan harian Orang Asli. Melalui pendekatan mengenalpasti sensitiviti kawasan, pengezonan dan pengekalan sumber, landskap dan budaya orang asli dapat dilestarikan walaupun berhampiran dengan kawasan bandar. Kajian ini dapat dimanfaatkan dalam setiap perancangan pembangunan agar dapat memelihara khazanah dan aset berharga ini untuk generasi akan datang sekaligus meningkatkan aktiviti pelancongan negara.*

**Kata kunci:** Pelestarian, landskap budaya, Orang Asli.

### Abstract

*The rapid development in Malaysia is considered a positive phenomenon. However, many newly developed areas are affecting the natural landscape of indigenous people which significantly altered the cultural ecology of this community. The aim of the study is to help this community to continue preserving their cultural traditions within their native environment from extinction. In Malaysia, issues relating indigenous people centre more on economic factors rather than preserving of their original landscapes. The indigenous people in Malaysia are scattered in various locations namely coastal, highland, river and cave areas. The preservation of original landscape of the indigenous community will instigate better natural impact as well as promoting their culture. Three precedent studies were referred to, to better understand the indigenous cultural landscape preservation. All three researchers employ the original natural landscape as their approach to sustain the cultural ecology and promote their ecological tourism. Preservation of native landscape is important for the daily life of indigenous people. Through identification of sensitive areas, zones and sustainable resources, the landscape and indigenous culture can be preserved even if it is neighboring the urban area. This study is beneficial for future development planning in order to better preserve our natural treasures and assets for future generations concurrently escalating national tourism sector.*

**Keywords:** Preservation, cultural landscape, indigenous people

## 1. Pengenalan

Pembangunan yang pesat di setiap negeri di Malaysia adalah satu perkembangan yang baik. Namun, kebanyakan kawasan yang diterokai melibatkan alam semulajadi yang juga menyentuh penempatan komuniti

orang asli. Perubahan dan kemusnahan penempatan komuniti ini akan menjejaskan ekologi setempat dan tradisi budaya orang asli yang mentadbir tanah dan sumber secara semulajadi mengikut kehendak alam. Gangguan daripada arus pembangunan menjadi penghalang kepada orang asli meneruskan cara hidup tradisi dan menyukarkan mereka mendapatkan sumber yang berkualiti dalam kuantiti yang sama seperti asal. Kewujudan pihak yang bertanggungjawab dalam hal ehwal kebajikan orang asli yang dikenali sebagai Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) adalah organisasi yang telah lama menjalankan inisiatif seperti penyusunan semula kampung orang asli, membuat bancian, mempromosi budaya dan hasil kraftangan, memberi pendidikan dan pelbagai aktiviti. Walaupun terdapat organisasi yang menjaga hal ehwal orang asli, namun masih terdapat kekurangan dari aspek melestarikan landskap asal orang asli yang kini dilihat kebanyakan penempatan mereka adalah di kawasan ladang kelapa sawit. Jika dilihat dari sudut ekonomi, sememangnya ia baik untuk menjana pendapatan, tetapi dari sudut visual dan sensitiviti budaya, ianya telah melenyapkan identiti bagi setiap komuniti orang asli. Kajian ini bukan untuk menolak inisiatif kerajaan dalam membantu komuniti orang asli, tetapi kajian ini bertujuan untuk melihat landskap budaya orang asli dapat dilestarikan sekaligus menyumbang dari aspek tempat pelancongan dan mengekalkan identiti tanpa menolak arus pemodenan demi kepentingan generasi akan datang. Matlamat kajian ini juga adalah untuk mengkaji pendekatan kaedah dan batasan yang boleh digunakan dalam memberikan hak asasi yang diperlukan oleh orang asli untuk meneruskan kehidupan mereka di zaman serba moden ini.

## 2. Kajian Literatur

Pelestarian landskap budaya orang asli ini bukan untuk mengekang penempatan komuniti kecil ini dari membangun tetapi, untuk mengekalkan sebanyak mungkin landskap asal agar dapat diwarisi dari generasi ke generasi seterusnya. Pelestarian ini adalah dari perkataan dasar iaitu lestari yang juga bermaksud mapan atau berupaya untuk kekal dan tidak berubah untuk kegunaan semasa dan generasi akan datang. Pelestarian dalam konteks kajian ini adalah bermaksud melindungi landskap dan budaya orang asli dari lenyap dan mengalami kepupusan identiti. Landskap budaya adalah dari dua perkataan yang berbeza dari segi maksud di mana landskap boleh diterjemahkan sebagai persekitaran luaran yang terdiri dari elemen semulajadi dan juga binaan manusia. Manakala budaya pula boleh diistilahkan sebagai cara kehidupan manusia yang terhasil dari perkembangan persekitaran, akal, usaha dan sahsiah dalam sesuatu kelompok atau individu itu sendiri. Maka, landskap budaya boleh didefinisikan sebagai corak kehidupan manusia yang beradaptasi dengan persekitaran dalam membentuk tradisi budaya yang mengikut rentak alam semulajadi. Menurut petikan Julian Steward (1955), berpendapat dalam buku yang ditulis oleh Alan Barnard (2011), menyatakan landskap budaya berkait rapat di antara kelangsungan persekitaran dengan budaya di mana sekiranya persekitaran berubah, maka ia akan turut mempengaruhi perubahan pada budaya. Sejarah juga menyatakan mukabumi yang ditadbir dan dikawal mengikut tradisi budaya orang asli kebanyakannya tidak berubah atau musnah kerana mereka saling memerlukan. Orang asli di Malaysia mempunyai pelbagai etnik atau suku kaumnya yang tersendiri dan geografi penempatan mereka juga berbeza-beza. Menurut Mr. Jose Martinez Cobo (1983), mengklasifikasikan orang asli adalah kaum yang mempunyai pelbagai etnik dan budaya yang berbeza dari masyarakat yang telah mengalami kemajuan pembangunan dan mereka tinggal jauh dari populasi masyarakat serta terpinggir dari arus pembangunan. Namun begitu, mereka lebih suka tinggal di pedalaman untuk meneruskan amalan budaya nenek moyang mereka. Orang asli boleh dikenalpasti melalui kedudukan mengikut geografi penempatan yang jauh dan tersorok kerana mereka menghormati alam sekitar sebagai warisan nenek moyang dan seterusnya mempunyai bahasa dan corak organisasi yang tersendiri (*World Bank, Operational Directive, 4.20, 1991*). Kesimpulan dari definisi kajian ini, landskap budaya orang asli harus dipelihara agar dapat diwarisi dan menghidupkan kembali suasana landskap asli yang dapat mengekalkan tradisi budaya mereka yang mengikut kehendak alam.

Berdasarkan tiga kajian rujukan, pelestarian landskap budaya orang asli dapat dilihat dengan jelas serta boleh dijadikan panduan dalam perancangan pembangunan di negara ini. Antaranya ialah komuniti 'Bali Aga' di Tenganan, Bali di Indonesia, komuniti 'Cherokee Indian' di Smokey Mountain, Tennessee di United State of America (USA) dan komuniti 'Bushmen' di Gurun Kalahari, Afrika Selatan.

### 2.1 Komuniti 'Bali Aga'

Kampung Tenganan di Bali, Indonesia tidak diketahui dengan tepat tentang kewujudannya, tetapi perkampungan komuniti orang asli 'Bali Aga' ini dipercayai telah muncul sebelum kedatangan Majapahit ke Bali lagi. 'Bali Aga' adalah komuniti yang mengamalkan kepercayaan Hinduisme dan juga memuja alam semulajadi. Jika dilihat dari segi geografi, kedudukan Kampung Tenganan ini terletak di kaki bukit. Landskap yang mengelilingi kampung ini adalah gunung-ganang yang masih terpelihara keadaan topografi, tumbuh-tumbuhan dan bentuk muka buminya. Rumah 'Bali Aga' adalah berbentuk rumah panjang yang disusun secara bertingkat atau teres mengikut topografi dan konsep kampung ini disusun mengikut 'hulu dan hilir' di mana hulu adalah kawasan kebun dan ternakan manakala hilir adalah penempatan mereka. Komuniti 'Bali Aga' ini

juga mempunyai kemahiran dalam tenunan kain dan seni anyaman yang sumbernya adalah dari sumber alam. Mereka juga bergantung kepada hasil tanaman dan ternakan mereka untuk menampung kehidupan harian. Namun, terdapat masalah yang dikenalpasti iaitu berkaitan ekonomi masyarakat 'Bali Aga' ini yang berada di tahap kemiskinan yang sangat rendah. Berikutan dari keadaan Bali sebagai sebuah tempat pelancongan yang terkenal, maka Kampung Tenganan ini juga diangkat sebagai salah satu tempat yang harus dikunjungi oleh pelancong sekiranya mereka melancong ke Bali. Pihak bertanggungjawab di Bali telah memanipulasi alam semulajadi di kawasan Tenganan ini tanpa mengubah landskap budaya 'Bali Aga'. Tambahan lagi, alam semulajadi yang berlatar belakang gunung yang hijau dan alir sungai yang bersih di sekeliling kampung ini merupakan faktor yang menjadi tarikan kepada pelancong. Sebelum kampung ini menjadi destinasi pelancongan di Bali, komuniti 'Bali Aga' tidak terbuka kepada orang luar dan mereka tidak suka jika ada orang luar masuk ke kawasan mereka. Selain itu, kehidupan mereka juga daif dan hanya memperolehi sumber makanan dari kebun kecil mereka sahaja. Selepas perkembangan sektor pelancongan di Bali, Kampung Tenganan juga mula dikenali dan pihak berwajib republik ini menjalankan kerja-kerja pemasangan infrastruktur dan pelbagai kemudahan untuk pelancong dan juga komuniti ini. Komuniti ini juga diajar berniaga di mana hasil kraftangan dan tenunan mereka di pameran untuk dijual kepada pelancong. Berikutan keadaan ini, sosio-ekonomi mereka telah meningkat dan komuniti 'Bali Aga' juga lebih terbuka untuk menerima orang asing. Selain itu, terdapat juga sebahagian komuniti ini yang mula keluar mencari pekerjaan untuk menambah pendapatan. Berikutan itu, hubungan sosial serta pemikiran masyarakat Bali Kuno atau 'Bali Aga' ini lebih terbuka di samping sumber ekonomi mereka juga bertambah tanpa mengganggu atau menghadkan aktiviti kebudayaan dan kepercayaan mereka. Kesimpulannya, kemajuan yang dilakukan ke atas komuniti ini adalah berjaya dan dilihat memberi kesan positif di mana mereka masih dapat menjalankan aktiviti harian seperti biasa dan dari segi fizikalnya juga berjaya kerana mengekalkan landskap asli yang banyak mempengaruhi kehidupan 'Bali Aga' ini.

## 2.2 Komuniti 'Cherokee Indian'

Komuniti 'Cherokee Indian' merupakan masyarakat orang asli di Amerika. 'Cherokee' berasal dari perkataan Creek iaitu 'Chelokee' yang bermaksud orang yang hidup di gua atau kawasan tanah tinggi. Mereka juga menggelarkan diri sebagai 'Ani-Yun-Wiya' yang juga bermaksud orang yang berpegang kepada prinsip. Menurut sejarah, 'Cherokee Indian' ini dijumpai sekitar tahun 1540 di Sungai Tennessee. Komuniti ini hidup tetap di satu tempat dan kebiasannya di tempat yang kaya dengan sumber alam semulajadi seperti hasil hutan, buruan dan makanan untuk keperluan harian mereka. Masalah yang dihadapi suatu ketika dahulu oleh komuniti ini adalah penempatan mereka diceroboh masuk kerana dipercayai penempatan mereka adalah lombong emas. Aktiviti perlombongan emas telah menjadikan kawasan penempatan komuniti ini menjadi tempat tumpuan kepada orang luar. Akhirnya mereka terpaksa berpindah akibat dari perluasan perlombongan emas di kawasan tersebut. Kesan perpindahan tersebut telah menyebabkan beberapa kematian akibat kekurangan makanan, masalah kesihatan yang juga disebabkan oleh penempatan baru yang kurang sesuai di tambah dengan cuaca yang sangat sejuk memburukkan lagi keadaan. Komuniti ini telah berpecah dan sebahagian dari mereka tidak berpindah dan hanya bersembunyi di kawasan pergunungan iaitu *Smokey Mountain*. Komuniti 'Cherokee' ini terselamat setelah kerajaan mereka telah menyedari berlaku banyak bencana, kehilangan sumber estetik dan kepupusan flora dan fauna serta habitat semulajadi kesan dari perlombongan yang berleluasa tersebut. Oleh itu, pihak bertanggungjawab menggunakan pendekatan ekologi dalam mengimbangi kembali ekosistem di kawasan tersebut. Kawasan penempatan komuniti ini kemudian diwartakan dan menjadi penempatan tetap mereka sekaligus diwartakan sebagai kawasan taman negara untuk mengelak dari diceroboh. Walaupun pembangunan terus berjalan di sekitar kawasan 'Cherokee Indian' ini, kaedah zon penampungan disediakan supaya dapat menjarakkan pembangunan dengan penempatan komuniti ini. Tambahan lagi, di setiap pembangunan yang dijalankan mengambilkira faktor kepadatan yang sesuai agar dapat memelihara alam semulajadi untuk menjaga nilai estetika. Pihak kerajaan juga terus membantu kaum 'Cherokee' ini untuk meningkatkan pendapatan dengan menyediakan polisi perkerjaan di kawasan pembangunan berhampiran. Komuniti ini boleh menjalankan aktiviti perdagangan seperti menjual hasil buruan, kulit haiwan, hasil pertanian, hasil hutan dan lain-lain. Malah terdapat juga 'Cherokee' yang berkerja di bandar dalam sektor kerajaan mahupun swasta. Polisi perkerjaan yang disediakan oleh kerajaan kepada komuniti ini antara lain adalah bertujuan mengelakkan berlaku diskriminasi terhadap komuniti orang asli ini di samping dapat menambah pengetahuan mereka ke arah kemajuan.

## 2.3 Komuniti 'Bushmen'

Komuniti Bushmen adalah kaum orang asli yang terkenal di Afrika Selatan. Selain Bushmen, mereka juga dikenali sebagai kaum 'San' atau 'Basarwa'. Komuniti ini hidup berkelompok mengikut ahli keluarga masing-masing dan nomad iaitu berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Mereka mencari makanan dengan berburu, memungut buah-buahan atau bijirin dan terdapat juga sebilangan yang bercucuk tanam dan menternak haiwan. Sebelum komuniti 'Bushmen' ini dipindahkan ke kawasan khas, isu yang dihadapi komuniti ini adalah

masalah kekurangan sumber makanan yang mencukupi memandangkan mereka tinggal berselerak dan di kawasan gurun yang kering. Di tambah dengan masalah kesihatan dan penyakit yang merebak akibat kekurangan zat makanan, kekurangan sumber air dan juga kebersihan diri. Disebabkan itu, kematian menjadi meningkat dan komuniti ini akan berpindah randah dalam masa yang sangat singkat kerana kekurangan sumber makanan. Oleh itu, satu inisiatif yang difikirkan oleh kerajaan Afrika untuk membantu memberikan sumber makanan dan air yang bersih bagi mengurangkan kadar kematian kaum orang asli ini adalah dengan mengumpulkan mereka di kawasan khas yang di namakan 'Central Kalahari Game Reserve' (CKGR). Setelah mereka dikumpulkan di satu kawasan yang sama, timbul pula masalah lain iaitu terlalu ramai kelompok dalam satu kawasan dan menyebabkan mereka memburu dengan lebih banyak dari sumber yang sedia ada. Satu lagi langkah kerajaan diambil iaitu mengeluarkan lesen memburu haiwan liar kepada komuniti ini. Tujuannya adalah mengelakan mereka memburu buruan lebih dari yang telah ditetapkan bagi mengelakan kepupusan sumber haiwan liar di kawasan tersebut. CKGR ini adalah kawasan yang telah diwartakan sebagai kawasan simpanan bagi haiwan liar dan juga komuniti orang asli ini. Landskap gurun tidak mengubah keadaan penempatan komuniti 'Bushmen' ini, dan tidak banyak perbezaan dengan penempatan mereka sebelum ini. Walaupun mereka dikumpulkan di satu kawasan CKGR, namun mereka masih hidup sebagai nomad dan tidak keluar di kawasan khas ini. Kawasan khas ini diwujudkan bagi memudahkan pemantauan dibuat oleh kerajaan dan juga membantu mereka dengan memberi subsidi makanan yang berkhasiat dan sumber air yang bersih. Selain itu, di CKGR ini juga telah dibuka kepada sektor pelancongan di mana bukan sahaja menambah pendapatan negara, malah juga membantu komuniti orang asli ini. Kemasukan pelancong juga memberi peluang kepada komuniti 'Bushmen' ini menunjukkan kemahiran mereka seperti memburu dengan menggunakan peralatan mereka. Selain itu, mereka masih juga mengamalkan budaya seperti menari dalam lingkungan mengelilingi unggun api sebagai tanda kepercayaan dan semangat terhadap alam sekitar. Di samping itu, hubungan sosial mereka dengan masyarakat luar juga lebih terbuka dan menjadi salah satu tempat untuk penyelidikan tertentu.

#### 2.4 Pengajaran dari kajian rujukan

Hasil dari kajian rujukan yang dijalankan, terdapat beberapa pendekatan yang boleh dipraktikkan untuk melestarikan landskap budaya orang asli ini. Setiap pembangunan yang ingin dijalankan hendaklah mengambilkira keperluan dan mengkaji landskap dan cara hidup masyarakat orang asli supaya tidak menjejaskan ekologi budaya mereka dan nilai estetika yang terdapat dalam sesuatu kawasan. Kepentingan landskap budaya yang dilihat dalam kajian rujukan ini adalah, ketiga-tiga komuniti orang asli memerlukan landskap yang asal sebagai sumber untuk mereka meneruskan kehidupan harian mereka seperti sumber makanan, pakaian, kraftangan, perubatan dan terdapat juga yang menjaga sumber alam demi menghormati kepercayaan nenek moyang mereka serta menggunakan sumber alam tersebut untuk upacara pemujaan dan sebagainya. Selain itu, kepentingan landskap budaya dikekalkan seperti asal juga kerana landskap ini merupakan aset penting yang bukan sahaja bernilai bagi setiap suku kaum orang asli itu sendiri, bahkan juga berperanan dalam meningkatkan sektor pelancongan negara. Setiap suku kaum orang asli mempunyai landskap budaya yang berbeza-beza dan mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Contohnya di Tenganan, Bali, komuniti 'Bali Aga' hidup di dalam rumah panjang yang dibina secara berteres mengikut keadaan kontur bumi. Kerajaan Bali juga menetapkan supaya setiap bangunan yang ingin dibangunkan tidak boleh melebihi ketinggian pokok kelapa iaitu bermaksud polisi ketinggian bangunan adalah tidak melebihi 2 tingkat. Mereka memanipulasi keindahan alam semulajadi sebagai tarikan pelancongan. Di Tennessee iaitu komuniti 'Cherokee Indian' pula hidup dengan aman di mana tanah mereka telah diwartakan di dalam kawasan hutan simpanan yang tidak boleh diteroka dan kerajaan mewujudkan zon penanaman bagi menjarakkan kawasan pembangunan dengan penempatan mereka. Manakala komuniti nomad iaitu 'Bushmen' di Gurun Kalahari di tempatkan dalam kawasan khas dikenali CKGR bagi membantu komuniti ini mendapat subsidi makanan dalam keadaan penempatan mereka yang tersendiri. Mereka masih mengekalkan tradisi nomad walaupun dalam kawasan landskap yang telah dirancang. Ini menunjukkan penempatan yang dirancang tersebut masih mengekalkan landskap asal supaya mereka selesa menjalani kehidupan seperti biasa.

### 3. Metodologi

Berdasarkan kajian yang dianalisa, kebanyakan perancangan yang sedia ada mahupun yang akan datang tidak mengambil berat akan landskap budaya orang asli. Hal ini bukan sahaja menghilangkan nilai estetika tempat tersebut, malah turut menghakis budaya dan cara hidup tradisi orang asli disebabkan terpaksa menerima perubahan yang berlaku di penempatan mereka. Oleh itu, pendekatan yang sesuai digunakan sebagai panduan untuk mengenalpasti potensi kawasan yang sepatutnya dibangunkan dan yang tidak sepatutnya disentuh melalui kaedah komposit peta (*overlay map*). Teknik ini telah diperkenalkan oleh seorang tokoh arkitek landskap yang juga merupakan ahli ekologi iaitu Ian McHarg. Komposit peta ini digunakan sebagai alat untuk mengukur dan

tahap sensitiviti sesuatu kawasan. Penggunaan komposit peta ini adalah fleksibel di mana ia mengikut keadaan persekitaran yang wujud di sesuatu kawasan, contohnya lapisan gunatanah seperti pertanian, komersial, penempatan, hutan paya dan sebagainya. Hasil dari lapisan-lapisan gunatanah tadi akan digabungkan untuk menilai kawasan yang mempunyai sensitiviti rendah atau sebaliknya. Melalui kaedah ini, ia dapat membantu melestarikan landskap dan budaya orang asli dan diharap dapat dimasukkan di dalam setiap rancangan pembangunan yang melibatkan kawasan penempatan orang asli.

#### **4. Analisa dan Perbincangan Keputusan**

Hasil dari penggunaan komposit peta, dapat dikenalpasti zon yang sesuai untuk pembangunan dan zon yang tidak sepatutnya dibangunkan. Berdasarkan pembahagian mengikut zon tersebut, ia menunjukkan wujudnya batasan-batasan tertentu yang perlu diterapkan di dalam perancangan seperti rancangan struktur atau rancangan tempatan di negara ini. Batasan-batasan ini perlu dirujuk oleh pemaju agar dapat terus melestarikan penempatan orang asli dengan suasana landskap yang asal.

##### *4.1 Penentuan kawasan pembangunan*

Kawasan pembangunan yang dirancang untuk dibangunkan perlu melalui proses menentukan lokasi yang bersesuaian dengan menggunakan komposit peta sensitiviti kawasan. Batasan ini akan membantu penempatan asal orang asli mempunyai zon penampakan, sempadan dan jarak yang sepatutnya dari kawasan pembangunan.

##### *4.2 Pembangunan yang berpotensi*

Jenis pembangunan mestilah tidak mengubah landskap asal penempatan orang asli dan juga berpotensi serta tidak mengganggu aktiviti harian mereka, contohnya seperti pelancongan, rekreasi pasif, dan sebagainya.

##### *4.3 Kadar kepadatan pembangunan*

Kepadatan pembangunan adalah perlu mengikut garis panduan yang menitik beratkan pembangunan tidak berdensiti tinggi. Tujuannya bukan sahaja dapat mengawal suhu mikro setempat bahkan juga dapat mengawal pandangan dari segi nilai estetika kawasan. Sekiranya kepadatan tidak dihadkan, kemungkinan besar kawasan landskap semulajadi akan menjadi mangsa kepesatan pembangunan yang akan mendominasi landskap penempatan orang asli.

##### *4.4 Pengekalan sumber*

Sumber semulajadi perlu dikekalkan agar dapat ditadbir oleh komuniti orang asli. Pengekalan sumber ini juga penting kerana sumber-sumber ini digunakan oleh orang asli untuk kegunaan dalam tradisi budaya mereka. Sekiranya sumber yang sedia ada tidak dipelihara, maka untuk melestarikan landskap dan budaya orang asli akan sukar untuk dicapai.

Kesimpulan dari perbincangan kajian ini, landskap dan budaya orang asli akan dapat dilestarikan sekiranya terdapat garis panduan yang jelas di dalam struktur perancangan pembangunan di negara ini.

#### **5. Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kawasan penempatan orang asli perlu ditadbir sendiri oleh mereka yang mendiami kawasan tersebut, di samping terdapat campur tangan kerajaan dalam membantu komuniti kecil ini untuk terlibat di dalam arus pembangunan. Contohnya dalam sektor pelancongan, pihak kerajaan sepatutnya memberi galakan dalam membantu menaikkan landskap orang asli sebagai salah satu kawasan pelancongan yang menarik di samping menjaga landskap dan budaya orang asli sebagai aset penting untuk menarik minat pelancong. Melalui penglibatan kerajaan dalam menguruskan landskap dan budaya orang asli ini, pembentukan polisi, garis panduan dan mewartakan hak dan penempatan tersebut kepada orang asli adalah sangat penting dalam rencana melestarikan landskap dan budaya orang asli ini. Pendekatan kajian ini juga diharap dapat dimanfaatkan oleh pihak perancang yang akan membangunkan kawasan penempatan orang asli terutamanya yang terletak di dalam negeri-negeri yang semakin pesat membangun dan berdekatan kawasan bandar.

#### **Penghargaan**

Kami bersyukur dan menghargai peluang yang diberikan oleh pihak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Perak untuk kami bersama-sama menyumbangkan artikel di dalam 'ICITSBE 2012' kali ini.

## Rujukan

- Alan B. (2011). *Social Anthropology and Human Origins*. Cambridge University Press. New York.
- Barbara D. Miller. (2005). *Cultural Anthropology, Third Edition*. Pearson Education, Inc, U.S.A.
- Chen Voon Fee. (1998). *The Encyclopedia Of Malaysia Architecture*. Edition Didier Millet. Kuala Lumpur.
- Nicholas C. (2000). *The Orang Asli and the contest for resources*. Center For Orang Asli Concern. Subang Jaya.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1998). *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- H.J.de Blij, Alexander B. Murphy. (2003). *Human Geography, Culture, Society and Space*. John Wiley & Sons, New York.
- Iskandar Carey. (1976). *Orang Asli the Aboriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Oxford University Press.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. *Kehidupan, Budaya dan Pantang Larang Orang Asli*. Perniagaan Rita, Kuala Lumpur.
- M. Womack. (2001). *Being Human, An Introduction To Cultural Anthropology*. Prentice-Hall, Inc, New Jersey.
- Mr. Jose Martinez Cobo. (1983). *International Day of The World's Indigenous People*. Di ambil pada Januari, 2012 dari laman web <http://www.acpp.org/sevents/0809.html>.
- Prof. Dato' Dr. Sham Sani. (1998). *The Encyclopedia Of Malaysia, The Environment*. Edition Didier Millet, Kuala Lumpur.
- Rentan, et. al. (1997). *Malaysian and the original people*. A Via Com company, Massachusetts